

TARIKH	6 / 9 / 2016	SEKSYEN	CAMBAIAN KAGAWA
MUKA SURAT	19	RUANGAN	



Sultan Ibrahim mengaminkan doa bersama Tunku Ismail dan Che' Puan Khaleeda ketika mengiringi Raja Zarith, Tunku Tun Aminah, Tunku Idris Iskandar, Tunku Abdul Rahman dan Tunku Abu Bakar serta rombongan diraja sebelum berangkat ke Tanah Suci Makkah untuk mengerjakan ibadah haji di Royal Johor Hangar, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, semalam.

## Permaisuri Johor, empat anakanda tunaikan haji

➔ Rombongan diraja berangkat ke Makkah semalam

Oleh Junita Mat Rasid  
junita@bh.com.my

✦ Johor Bahru

**P**ermaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah bersama empat anakanda dan rombongan diraja berangkat ke Makkah untuk mengerjakan ibadah haji, semalam.

Penerbangan membawa Permaisuri Johor bersama Tunku Puteri Johor, Tunku Tun Aminah dan Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar, berlepas jam 1.30 tengah hari semalam.

Pesawat membawa Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar dan Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman, pula berlepas kira-kira sejam

lebih awal.

Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar menerusi Facebook (FB) rasmi baginda, bertitah baginda dan Permaisuri Johor pernah menunaikan haji pada tahun 1985 dan bercadang membawa keluarga menunaikan haji serta menyempurnakan badal haji untuk Allahyarham Tunku Laksamana Johor, Tunku Abdul Jalil.

**Sultan Johor dinasihati doktor tidak turut serta**

Bagaimanapun, baginda yang menjalani prosedur angioplasty Khamis lalu, dinasihatkan oleh doktor supaya tidak berangkat mengerjakan ibadah haji kerana ia bukan saja membabitkan perjalanan yang jauh, malah perlu menghadapi pelbagai cabaran fizikal yang lain.

"(Pada mulanya) keluarga saya dan ahli rombongan tidak mahu meneruskan hasrat untuk ke Tanah Suci tanpa saya. Namun, adalah menjadi hasrat saya supaya mereka menyempurnakan perancangan itu.

"Saya mahu pegawai kerajaan negeri dan petugas saya ber-



Walaupun saya sesungguhnya ingin bersama mereka, saya reda menerima ketentuan Allah bahawasanya hanya Dia (Allah) saja Yang Maha Mengetahui"

Sultan Ibrahim Iskandar,  
Sultan Johor

peluang menunaikan haji kerana mereka mungkin tidak berpeluang berbuat demikian pada masa yang lain.

"Walaupun saya sesungguhnya ingin bersama mereka, saya reda menerima ketentuan Allah bahawasanya hanya Dia (Allah) saja Yang Maha Mengetahui," titah baginda.

Penasihat Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), Datuk Nooh Gadut, turut menyertai rombongan berkenaan bagi membuat menyempurnakan badal haji bagi Allahyarham Tunku Laksamana Johor.

Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan isteri, Che' Puan Khaleeda Bustamam, yang tidak mengikuti rombongan haji keluarga diraja, turut berangkat menghantar rombongan haji di Royal Johor Hangar, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, dekat sini.

Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan isteri, Datin Seri Rosni Omar; Jumaah Diraja Johor serta barisan EXCO kerajaan negeri turut menghantar rombongan berkenaan.